



PERSATUAN SAINS MATEMATIK MALAYSIA (PERSAMA)
(Malaysian Mathematical Sciences Society)
d/a Jabatan Sains Matematik
Fakulti Sains & Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D.Ehsan
Tel: 603-89213423/603-89213711, Faks: 603-89254519
Mel-e: maslina@ukm.edu.my, mohdalmie@ukm.edu.my
Web: www.persama.org.my

30 April 2024

**SEMUA KETUA JABATAN
AHLI SEUMUR HIDUP PERSAMA
MEREKA YANG BERKENAAN**

Assalamu'alaikum wbkt

Tuan/Puan,

HEBAHAN TAWARAN PENAJAAN YURAN UNTUK PENYERTAAN KE SKSM31

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) bersama Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan menganjurkan Simposium Kebangsaan Sains Matematik ke-31 (SKSM31) pada 11 hingga 13 September 2024 bertempat di Universiti Malaysia Sarawak.

3. Sehubungan itu, PERSAMA berbesar hati untuk menaja yuran penyertaan SKSM31 bagi beberapa ahli seumur hidup PERSAMA yang telah mendaftar keahlian selama sekurang-kurangnya setahun dan akan menjadi pembentang dalam SKSM31. Ahli PERSAMA yang telah menerima tajaan yuran SKSM dalam tempoh lima tahun kebelakang tidak boleh memohon tajaan ini.

4. Untuk memohon, ahli yang berminat dan memenuhi syarat-syarat di atas perlu mengisi dan mengembalikan borang permohonan (Lampiran 1) bersama-sama dengan surat penerimaan abstrak SKSM31 kepada urusetia PERSAMA di alamat emel setiausaha@persama.org.my. Untuk makluman, tarikh akhir permohonan adalah pada **31 Mei 2024**.

5. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada urusetia di alamat emel setiausaha@persama.org.my. Mohon kerjasama pihak tuan/puan untuk menghebahkan maklumat ini kepada mereka yang berkenaan di Jabatan tuan/puan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Wassalam.

Yang benar,

Prof. Dr. Maslina Darus
Presiden PERSAMA